

SOALAN NO. 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIM KIT SIANG
[GELANG PATAH]**

TARIKH : 8 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada beliau bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan-cadangan dalam tempoh sebulan mengenai laporan Kajian Persempadanan Semula Kawasan Pilihan Raya Suruhanjaya Pilihan Raya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dilaksanakan sepenuhnya berdasarkan kepada Perkara 113 dan Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan bidang kuasa dan tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam melaksanakan urusan kajian tersebut. Berhubung dengan perkara ini, SPR akan menyiapkan suatu Laporan Akhir Persempadanan berdasarkan Seksyen 8(a), Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri sebelum ia dibentangkan bagi mendapat kelulusan sekurang-kurangnya separuh daripada ahli Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.